

Polisi Privasi

Polisi Privasi ini menerangkan polisi dan amalan **China Mobile International Limited** (“**CMI**”) dan anak syarikat kami, **China Mobile International (Malaysia) Sdn. Bhd.** (No. Pendaftaran Syarikat: 201501017899 (1143231-D)) (“**CMI MY**”), berhubung dengan pengumpulan, penggunaan, pendedahan dan pemindahan data peribadi anda berkaitan dengan produk dan perkhidmatan berikut:

- (i) Pelan Mudah Alih CMLink Malaysia;
- (ii) Add-ons Mudah Alih CMLink Malaysia.

(secara kolektif, “**Produk CMLink**”)

CMI dan CMI MY (“**kami**”) berusaha untuk mematuhi undang-undang dan peraturan perlindungan data dan privasi yang terpakai (“**Undang-Undang Terpakai**”), yang mungkin termasuk, tanpa had, Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 di Malaysia (Akta 709) (“**PDPA**”) ; Ordinan Data Peribadi (Privasi) Wilayah Pentadbiran Khas Hong Kong (Cap. 486) (“**PDPO**”) dan Peraturan (EU) 2016/679 (Peraturan Perlindungan Data Umum) (“**GDPR**”). Laman web ini dikendalikan dan/atau diurus oleh CMI dan/atau CMI MY.

Setakat maksimum yang dibenarkan oleh Undang-Undang Terpakai, penggunaan berterusan anda terhadap laman web ini dan/atau Produk CMLink, dan/atau pemberian data peribadi anda kepada kami merupakan penerimaan anda terhadap Polisi Privasi ini. Kami juga mungkin memproses data peribadi anda setakat yang dibenarkan oleh Undang-Undang Terpakai.

Kami boleh mengemas kini Polisi Privasi ini dari semasa ke semasa untuk mencerminkan (*reflect*) perubahan pada perisian dan/atau produk dan/atau perkhidmatan kami, atau perubahan Undang-Undang Terpakai. Apabila kami menyiarkan perubahan kepada Polisi Privasi ini, kami akan mengemas kini tarikh “dikemaskini terakhir” di bahagian bawah Polisi Privasi ini. Sila baca Polisi Privasi ini dan kami mengesyorkan agar anda menyemak Polisi Privasi ini dari semasa ke semasa untuk mengetahui sebarang perubahan.

Polisi Privasi ini disediakan dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris dan mungkin diterjemahkan ke dalam bahasa lain untuk tujuan rujukan. Sekiranya terdapat sebarang ketidakselarasan atau percanggahan antara versi Bahasa Inggeris dan versi lain Polisi Privasi ini, versi Bahasa Inggeris hendaklah diutamakan (*prevail*).

Sumber data peribadi

1. Sumber-sumber daripada mana kami mengumpul data peribadi boleh termasuk yang berikut:

- (a) interaksi dan komunikasi antara anda dan kami seperti e-mel, mesej WhatsApp, dan interaksi di platform media sosial kami;
- (b) apabila anda menggunakan perkhidmatan, produk, aplikasi mudah alih, program komputer, perisian dan laman web kami;
- (c) maklumat yang anda diberikan semasa anda mendaftar untuk akaun, melanggan perkhidmatan kami, membeli produk kami, atau melengkapkan borang atau tinjauan;
- (d) maklumat yang dijana atau dikumpul secara automatik apabila anda menggunakan perkhidmatan kami, termasuk data teknikal seperti maklumat peranti, alamat IP, data penggunaan dan maklumat log;
- (e) pihak ketiga yang kami berurusan atau yang berkaitan dengan anda seperti agensi pelaporan kredit, atau institusi kewangan;
- (f) sumber-sumber lain di mana anda telah memberikan persetujuan kepada pendedahan data peribadi anda, dan/atau di mana pengumpulan atau pendedahan dibenarkan oleh undang-undang.

Data peribadi yang kami kumpul

2. Bagi tujuan menyediakan produk atau perkhidmatan, kami mungkin mengumpul maklumat tentang anda dari semasa ke semasa, termasuk (tetapi tidak terhad kepada) maklumat dalam kategori berikut:
 - (a) Data pengenalan (termasuk tetapi tidak terhad kepada nama, alamat kediaman, butiran pengenalan seperti pasport, kad pengenalan permit kerja, kad pengenalan pelajar dan dokumen pengenalan lain, serta nombor seperti NRIC, nombor telefon dan nombor mudah alih). Data pengenalan termasuk maklumat peribadi sensitif seperti data biometrik (contohnya imej muka, cap jari dan suara);
 - (b) Jika langganan adalah di bawah entiti perniagaan, ini termasuk maklumat syarikat serta data peribadi wakil yang diberi kuasa oleh entiti perniagaan tersebut;
 - (c) Data pengenalan elektronik (contohnya alamat IP, kuki);
 - (d) Maklumat tentang penggunaan dan interaksi anda dengan aplikasi mudah alih, program komputer, perisian, produk dan laman web kami (termasuk maklumat komputer, platform, peranti dan sambungan, maklumat prestasi klien, laporan ralat, keupayaan peranti, jalur lebar, statistik paparan halaman, jenis pelayar dan statistik penggunaan);
 - (e) Data trafik (data yang diproses bagi tujuan penyampaian komunikasi atau pengebilan);
 - (f) Butiran pembayaran, termasuk maklumat kad kredit dan bank;
 - (g) Butiran hubungan, termasuk nama orang untuk dihubungi, nombor telefon, nombor faks, alamat fizikal, atau alamat e-mel dan sebagainya;

- (h) Rakaman CCTV imej anda apabila melawat pejabat kami, atau pengedar kami yang diberi kuasa.

Anda tidak diwajibkan untuk memberikan data peribadi anda kepada kami. Walau bagaimanapun, kami mungkin tidak dapat atau meneruskan penyediaan barangan dan perkhidmatan yang diminta atau memberi maklum balas kepada permintaan anda jika kami tidak mempunyai jenis data peribadi tertentu daripada anda.

Bagi meningkatkan pengalaman pelanggan anda, data peribadi lanjut juga mungkin dikumpul secara sukarela seperti umur anda, tarikh lahir, jantina, pendidikan, profesion, julat gaji, hobi, minat dan aktiviti masa lapang, produk dan perkhidmatan berkaitan lain yang dilanggan, demografi keluarga dan isi rumah, dan lain-lain. Kami akan menyatakan dalam borang atau permohonan yang berkaitan sama ada pemberian data peribadi yang diperlukan adalah secara sukarela.

Selain itu, data sesi dalam talian anda juga mungkin dikumpul secara tidak langsung dalam bentuk agregat dan tanpa nama.

Jika anda berumur di bawah 18 tahun, sila minta ibu bapa atau penjaga sah anda menyemak Polisi Privasi ini dan memberikan persetujuan bagi pihak anda sebelum memberikan sebarang data peribadi kepada kami.

PENGUNAAN DATA PERIBADI ANDA

3. Tujuan utama kami mengumpul maklumat adalah untuk menyediakan kepada anda pengalaman yang selamat, lancar, cekap dan diperibadikan. Kami mengumpul dan menggunakan, atau meminta penyedia perkhidmatan pihak ketiga yang bertindak bagi pihak kami mengumpul dan menggunakan, data peribadi yang berkaitan anda, bagi tujuan-tujuan berikut:
- menyediakan kepada anda produk telefon, komunikasi internet, dan/atau produk lain;
 - mengambil, memproses atau menghantar pesanan yang dibuat melalui laman web kami, menginvois anda atau memaklumkan kepada anda status pesanan anda;
 - menyediakan perkhidmatan lain kepada anda (seperti yang diterangkan apabila kami mengumpul maklumat);
 - mentadbir, mengendalikan dan mengurus program kesetiaan;
 - berkomunikasi dengan anda melalui e-mel, telefon, pos atau cara lain;
 - memproses arahan pembayaran, pengebilan dan bayaran balik;
 - menyediakan sokongan pelanggan dan menyelesaikan masalah;
 - membandingkan maklumat untuk ketepatan;
 - memaklumkan kepada anda tentang kemas kini perkhidmatan dan kerosakan;

- meminta maklum balas atau penyertaan dalam tinjauan dalam talian;
- menangani pertanyaan, aduan dan maklum balas;
- menyelesaikan pertikaian;
- mengesahkan identiti anda;
- menjalankan penyelidikan dalaman;
- mereka bentuk dan menambah baik produk, perisian dan laman web CMLink;
- merancang dan melaksanakan operasi/penawaran pemasaran atau promosi CMLink dan acara serupa;
- menawarkan perisian, ciri dan laman web CMLink tertentu secara percuma, melalui sokongan pengiklanan;
- memproses pemulihan hutang dan pemeriksaan kredit;
- mendapatkan nasihat undang-undang serta menegakkan (*establish*) tuntutan atau pembelaan undang-undang dan dalam prosiding undang-undang;
- melindungi kepentingan anda atau kepentingan CMI dan CMI MY, termasuk, khususnya, bagi penguatkuasaan Terma dan Syarat serta polisi kami, bagi tujuan pencegahan penipuan dan keselamatan, dan melindungi hak, harta atau keselamatan mana-mana individu;
- mematuhi undang-undang dan peraturan terpakai serta membantu pihak penguatkuasa, pihak kehakiman atau agensi kerajaan lain sebagaimana yang diperlukan;
- tujuan lain yang berkaitan dengan atau bersampingan kepada perkara di atas,

(secara kolektif, Tujuan-Tujuan).

Pendedahan dan pemindahan data peribadi anda

4. Kecuali sebagaimana yang dinyatakan di sini, kami tidak akan menjual, menyewa, memperdagangkan (*trade*) atau sebaliknya memindahkan data peribadi, data trafik atau kandungan komunikasi anda tanpa persetujuan anda, melainkan jika kami diwajibkan berbuat demikian di bawah undang-undang dan peraturan terpakai, atau perintah pihak berkuasa yang berkuasa.

Bagi memudahkan Tujuan-Tujuan yang dinyatakan di sini, kami mungkin mendedahkan atau memindahkan data peribadi anda kepada pihak ketiga, sama ada dalam atau di luar Malaysia, termasuk:

- operator rangkaian telekomunikasi, penyedia program ganjaran dan kesetiaan pihak ketiga CMI atau CMI MY, serta penyedia perkhidmatan, ejen, pengedar, kontraktor, atau pembekal CMI atau CMI MY;
- syarikat bersekutu CMI dan/atau CMI MY dan penyedia perkhidmatan mereka, bagi penyediaan produk dan perkhidmatan oleh CMI, CMI MY, atau syarikat bersekutu mereka;

- institusi kewangan, syarikat pengeluar kad caj atau kad kredit, pemberi kredit, biro maklumat atau rujukan kredit, agensi kutipan, atau agensi keselamatan;
- penasihat profesional termasuk peguam, akauntan, penasihat cukai, dan juruaudit;
- pihak penguatkuasa undang-undang, badan pengawal selia, atau badan kerajaan, atau pihak berkuasa lain,

dan anda dengan ini memberikan persetujuan terhadap pendedahan atau pemindahan sedemikian.

Keselamatan dan penyimpanan data peribadi

5. Kami akan mengambil langkah organisasi dan teknikal yang sesuai untuk melindungi data peribadi dan data trafik yang dikumpul selaras dengan undang-undang dan peraturan terpakai. Data peribadi dan data trafik anda hanya akan diakses oleh pekerja atau pihak ketiga yang diberi kuasa, dan hanya disimpan selama tempoh yang diperlukan untuk memenuhi Tujuan-Tujuan yang mana data tersebut dikumpul, melainkan penyimpanan yang lebih lama diperlukan bagi mematuhi undang-undang dan peraturan terpakai, atau obligasi kontrak.
6. Ibu pejabat kami, yang berperanan sebagai Pemproses Data bagi tujuan GDPR, terletak di luar EU. Untuk menyediakan kepada anda produk dan perkhidmatan kami termasuk Produk CMLink, kami mungkin mendedahkan atau memindahkan data peribadi anda kepada ibu pejabat kami dan anda dengan ini memberikan persetujuan terhadap pendedahan atau pemindahan sedemikian:

Nama Syarikat	Alamat Syarikat	Catatan
China Mobile International Limited	Level 30, Tower 1, Kowloon Commerce Centre, No. 51 Kwai Cheong Road, Kwai Chung, New Territories, Hong Kong	Data boleh diproses di Hong Kong dan/atau China

Pemasaran langsung

7. CMI (dan CMI MY jika berkenaan) berniat (*intends*) untuk menggunakan data peribadi anda bagi menyampaikan kepada anda maklumat tentang sebarang barangan dan perkhidmatan, program kesetiaan, aktiviti (termasuk kerjasama bersama pihak ketiga), surat berita, pertandingan, cabutan bertuah dan sebagainya daripada kami dan rakan perniagaan kami. Maklumat tersebut mungkin merangkumi pelbagai kategori subjek pemasaran termasuk tetapi tidak terhad kepada peranti mudah alih dan aksesori, perkhidmatan rangkaian seperti TV, suara mudah alih, SMS dan komunikasi data, IDD/roaming, sambungan Internet, aplikasi mudah alih, hiburan dan komunikasi data melalui Internet, perkhidmatan nilai tambah lain, serta periferal (*peripheral*), aksesori dan perisian komputer (termasuk komputer riba, telefon bimbit, papan kekunci, pemasangan keselamatan dan aplikasi mudah alih), perkhidmatan kesetiausahaan, perkhidmatan bantuan peribadi dan perkhidmatan maklumat, permainan, sukan, muzik, produk

kecantikan, elektronik, teknologi, e-dagang, pembayaran mudah alih, pelancongan, perbankan, pelaburan, hiburan, pengangkutan, isi rumah, fesyen, makanan dan minuman, insurans, pendidikan, kesihatan dan kesejahteraan, rangkaian sosial, aktiviti kebajikan, media dan produk serta perkhidmatan pengguna mewah. Maklumat tersebut boleh dihantar kepada anda melalui pos, telefon, e-mel, faks atau cara lain.

Jika anda ingin berhenti menerima bahan pemasaran langsung daripada kami atau anda mengubah fikiran berkaitan keputusan anda sebelum ini, anda boleh memilih untuk menarik diri (*opt-out*) daripada komunikasi pemasaran tersebut dengan menghubungi kami melalui maklumat hubungan yang disediakan di bawah. Dalam sebarang permintaan untuk menarik diri (*opt out*), sila nyatakan dengan jelas data peribadi dan butiran hubungan anda bagi tujuan pengenalpastian. Jika anda menarik diri (*opt out*), kami akan menghentikan penghantaran komunikasi pemasaran kepada anda, tetapi kami akan terus menghantar komunikasi yang berkaitan dengan produk dan perkhidmatan yang kami sediakan kepada anda.

Penggunaan kuki dan data lokasi

8. Jika anda melawat mana-mana laman web kami, CMI dan/atau CMI MY mungkin menggunakan fail kuki untuk menyimpan dan menjejak maklumat mengenai anda dan pilihan anda. Kuki ialah fail teks kecil yang dipindahkan oleh laman web kami ke peranti anda. Ia membolehkan kami memberikan perkhidmatan yang lebih baik kepada anda dan/atau mengekalkan maklumat anda merentasi beberapa halaman dalam atau merentasi satu atau lebih sesi. Kebanyakan pelayar web secara automatik menerima kuki, tetapi jika anda mahu, anda boleh mengubah pilihan pelayar anda untuk menyekatnya pada masa hadapan. Kuki mengandungi maklumat mengenai anda dan pilihan anda. Sebagai contoh, jika anda membuat pertanyaan tentang kadar dan ketersediaan, laman web mungkin mencipta kuki yang mengandungi butiran yang anda masukkan atau ia mungkin hanya mengandungi rekod halaman yang anda lawati dalam laman web untuk membantu laman web menyesuaikan paparan kepada anda pada lawatan seterusnya. Hanya maklumat yang anda berikan atau pilihan yang anda buat semasa melawat laman web boleh disimpan dalam kuki. Sebagai contoh, laman web tidak boleh mengumpul atau mengenal pasti alamat e-mel anda melainkan anda memberikannya secara sukarela. Membenarkan laman web mencipta kuki tidak memberikan laman web tersebut atau mana-mana laman web lain akses kepada bahagian lain dalam peranti anda, dan hanya laman web yang mencipta kuki boleh membaca kuki tersebut.

CMI mungkin menggunakan data lokasi anda untuk menjejak corak aktiviti dan pilihan anda bagi meningkatkan tahap perkhidmatan yang anda terima. Data lokasi anda mungkin digabungkan dengan maklumat lain yang diterima CMI daripada pihak ketiga untuk memberikan perkhidmatan yang lebih baik kepada anda dan, jika anda telah memberikan persetujuan untuk menerima pemasaran langsung, CMI mungkin memberikan iklan, kandungan, ciri, tawaran dan promosi yang disasarkan kepada anda.

Hak dan obligasi anda

9. Bagi membantu kami mengekalkan rekod yang tepat, lengkap dan terkini, anda bertanggungjawab untuk memastikan bahawa data peribadi yang anda berikan kepada kami termasuk sebarang data peribadi individu lain yang anda wakili atau bertanggungjawab ke atasnya, adalah tepat, lengkap dan terkini, serta mengemas kininya secepat mungkin apabila ia menjadi tidak tepat atau usang (*outdated*). Anda mempunyai hak untuk mengakses dan, jika berkaitan, mengemas kini atau membetulkan data peribadi anda yang kami pegang.

Jika diperuntukkan oleh Undang-Undang Terpakai, anda juga boleh (i) meminta pemadaman atau kebolehpindahan (*portability*) data peribadi anda; (ii) mengehadkan penggunaan dan pendedahan data peribadi anda; dan (iii) menarik balik persetujuan terhadap mana-mana aktiviti pemprosesan data kami.

Jika anda ingin melaksanakan mana-mana hak anda di atas, anda boleh berbuat demikian dengan menghubungi kami melalui maklumat hubungan yang disediakan di bawah. Tertakluk kepada hak CMI dan CMI MY di bawah Undang-Undang Terpakai, CMI dan/atau CMI MY akan berusaha untuk memberi maklum balas kepada permintaan anda dalam tempoh masa yang munasabah (atau tempoh masa lain yang diperlukan di bawah Undang-Undang Terpakai) dan boleh mengambil langkah untuk mengesahkan identiti anda sebelum kami dapat memberi maklum balas kepada permintaan anda.

Kami akan berusaha untuk memenuhi permintaan anda untuk memadam data peribadi anda yang kami pegang melainkan ia dikehendaki untuk disimpan oleh undang-undang dan peraturan, untuk memenuhi obligasi undang-undang atau kontrak, atau untuk tujuan perniagaan yang sah.

Selaras dengan Undang-Undang Terpakai, kami berhak mengenakan fi yang munasabah bagi pemprosesan permintaan anda.

Akses melalui peranti mudah alih

10. Apabila anda menggunakan CMLink pada peranti mudah alih anda, CMI dan/atau CMI MY mungkin menggunakan perkhidmatan pemberitahuan yang tersedia untuk peranti tersebut untuk memaklumkan anda tentang sebarang maklumat walaupun anda tidak sedang menjalankan atau menggunakan aplikasi CMLink secara aktif. Perkhidmatan pemberitahuan ini mungkin disediakan oleh pihak ketiga (contohnya, Apple's Push Notification Services untuk peranti Apple).

Dalam menyediakan perkhidmatan pemberitahuan, pihak ketiga mungkin menerima maklumat mengenai pemanggil, pengirim mesej dan kandungan mesej. Maklumat tersebut akan diproses selaras dengan terma dan syarat serta polisi privasi pihak ketiga

tersebut. CMI dan CMI MY tidak mengawal dan tidak bertanggungjawab terhadap data peribadi yang dikumpul, atau digunakan oleh pihak ketiga tersebut.

(Apple adalah tanda dagangan Apple Inc., yang didaftarkan di A.S. dan negara-negara lain.)

HUBUNGI KAMI

11. Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan atau kebimbangan berkaitan Polisi Privasi ini, sila hubungi khidmat pelanggan kami melalui csmy@cmlink.com

© China Mobile International (Malaysia) Sdn. Bhd. – Tarikh versi: 17 Disember 2025